

PELABURAN FOREX

Written by Administrator

Monday, 14 September 2009 11:08 -

Penipuan Pelaburan FOREX adalah diantara aduan yang diterima oleh Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) . Kami di NCCC telah menerima aduan daripada mangsa-mangsa FOREX yang mengadu tentang kehilangan beribu ribu ringgit disebabkan pelaburan ini dan menyatakan mereka telah diperdayakan oleh pihak syarikat dimana mereka bekerja untuk melabur kedalam pelaburan FOREX yang pada hakikatnya pelaburan mereka tidak pernah dilaburkan didalam pasaran FOREX seperti yang dijanjikan oleh pihak syarikat tersebut

Sasaran utama syarikat tersebut ialah graduan-graduan lepasan ijazah dan khususnya kaum melayu. Syarikat memancing mangsa melalui penyiaran iklan didalam suratkhbar The Star untuk jawatan kosong dengan menawarkan gaji yang lumayan. Sewaktu temuduga, tidak dinyatakan latarbelakang syarikat dan kerja sebenar yang bakal dibuat iaitu memancing pelabur, mangsa-mangsa perlu menjalani sesi latihan selama lima (5) hari untuk menjadi agen-agen pelaburan dan pada waktu itu tiada bayaran yang dibuat oleh pihak syarikat. Sewaktu latihan tidak diajar mengenai kerugian malah semua transaksinya adalah mengaut keuntungan. Jikalau berjaya memperkenalkan pelabur baru, akan dibayar komisyen yang tinggi, disebabkan mempercayai kata-kata manis pihak syarikat dan seolah-olah mangsa-mangsa ini telah dipukau, mereka telah memujuk/memaksa ahli-ahli keluarga dan rakan rakan untuk membuat pelaburan dengan harapan akan mendapat pulangan yang tinggi iaitu sehingga boleh mencecah belasan ribu ringgit. Setelah tiga bulan bekerja dengan syarikat tersebut dan setelah kehilangan beribu ribu ringgit barulah mangsa-mangsa sedar yang sekian lama ini mereka telah ditipu oleh pihak syarikat dan telah memohon pertolongan daripada kami di NCCC untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

TINDAKAN NCCC

Kami di NCCC telah bertindak dengan cepat dimana pihak kami telah mengadakan perjumpaan bersama mangsa-mangsa dan juga bekas agen-agen syarikat tersebut. Pihak kami telah menasihati mangsa-mangsa tersebut untuk membuat laporan polis agar pihak polis dapat memulakan siasatan terhadap pihak syarikat tersebut. Seterusnya pihak NCCC telah menjemput wartawan daripada New Straits Times (NST) untuk mendedahkan isu ini supaya orang ramai tidak terpedaya dengan penipuan sebegini dan juga menekankan kepada pihak berkuasa agar lebih bersikap pro-active memandangkan bukan satu (1) syarikat yang beroperasi malah seakan-akan cendawan tumbuh selepas hujan. Isu mengenai Penipuan Forex tersebut telah tersebar dihadapan mukasurat (NST) pada 25hb Januari 2007.

Kami di NCCC juga telah menulis surat rasmi kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk tindakan lanjut.

NASIHAT NCCC

Penipuan Pelabuaran FOREX ini adalah seakan-akan skim cepat kaya yang menjanjikan pulangan pelaburan yang tinggi dengan jumlah pelaburan yang kecil, skim ini tidak melanggar undang-undang dan tidak berisiko.

Pengambilan Deposit Tanpa Lesen

Peruntukan seksyen 25(1) Akta bank dan institusi-institusi kewangan 1989 (ABIK/BAFIA) tiada seorang pun boleh menerima, mengambil, atau menyetujuterima deposit kecuali di bawah dan mengikut suatu lessen sah yang diberikan di bawah seksyen 6(4) ABIK

Urusniaga Matawang Asing Tanpa Lesen (HARAM)

Peruntukan dalam Akta kawalan pertukaraan wang 1953 : Seksyen 4(1) kecuali dengan kebenaran pengawal, tiada seorang pun, selain daripada peniaga diberikuasa, boleh membeli atau meminjam apa-apa matawang asing dari, atau menjual atau memberikan pinjaman matawang asing kepada, mana-mana orang selain peniaga diberikuasa, dalam Malaysia.

Perniagaan Yang Diberi Kebenaran Menjalankan FOREX

Semua Bank

PELABURAN FOREX

Written by Administrator

Monday, 14 September 2009 11:08 -

Perdagangan</div><div align="justify">Semua Bank Islam</div><div align="justify">BIMB Foreign currency Clearing Agency Sdn. Bhd.</div><div align="justify">RMEX Trading Sdn. Bhd.</div><p align="justify">Bank Negara Malaysia merupakan badan utama yang mengendalikan perniagaan ♦FOREX♦ di Malaysia.♦ Didalam perkara ini, para pengguna hendaklah sentiasa peka supaya tidak terpedaya dengan tipu helah oleh syarikat ♦ syarikat yang tidak bertanggungjawab. Sekiranya pengguna berhadapan dengan situasi sebegini, pengguna sepatutnya membuat laporan kepada pihak berkuasa dan juga tidak mudah terpedaya dan terlalu megikut perasan malah menyiasat terlebih dahulu kewujudan syarikat-syarikat ini and tujuan syarikat ini beroperasi di Malaysia.</p><p align="justify">Pengguna harus mengetahui hak mereka sebagai seorang pengguna.</p><p align="justify">Regards,
Yesotha Balakrishnan
Complaints Handling & Investigation
National Consumer Complaints Centre
No. 1D Bangunan SKPPK,
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7874 8096
Fax :03-7874 8097</p>